

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.

Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Tamoxifen



MENGENAI ubat anda

Tamoxifen merupakan ubat yang bertindak dengan menghalang kesan hormon estrogen wanita. Ubat ini digunakan untuk merawat kedua-dua barah payu dara peringkat awal atau peringkat lanjut.

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Ubat ini patut diambil secara oral, sebelum atau selepas sarapan.

Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu yang tetap. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

- Badan rasa panas membara (sementara)
- Ruam kulit
- Kesakitan sementara pada tulang atau tumor untuk sementara mungkin bertambah pada minggu pertama rawatan
- Mual dan muntah ringan

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

- Kekeringan di bahagian faraj
- Tempoh haid mungkin menjadi tidak teratur atau terhenti
- Fotosensitiviti – Elakkan cahaya matahari secara langsung dan gunakan pakaian yang melindungi/ bahan penapis cahaya matahari
- Pembentukan bekuan darah di bahagian dalam saluran darah pada kaki
- Peningkatan risiko mendapat barah uterus
- Gangguan penglihatan

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dengan segera jika anda mempunyai salah satu daripada berikut:

- Pendarahan faraj yang teruk dan luar biasa
- Sakit di bahagian tulang pinggang
- Perubahan penglihatan seperti kabur penglihatan
- Sakit atau bengkak pada kaki anda, sakit dada atau sukar bernafas

Peningkatan kesakitan tulang atau tumor selepas permulaan rawatan akan reda selepas beberapa hari; jangan berhenti mengambil ubat tanpa memberitahu doktor anda.

Juga, kepanasan pada badan sepatutnya akan reda jika rawatan berterusan, beritahu doktor anda jika ini tidak berlaku.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak